

13 MAC 2018

## Dua lelaki diberkas bawa 72 botol air ketum

### Dua lelaki diberkas bawa 72 botol air ketum

TANJUNG MALIM – Polis menahan dua lelaki dipercayai terlibat dalam sindiket pengedaran air ketum yang dianggarkan bernilai RM1,080 dalam operasi sekatan jalan raya di Kilometer 101, Jalan Ipoh - Kuala Lumpur di sini kelmarin.

Dalam operasi pukul 10.50 malam itu, polis menahan sebuah kereta jenis Perodua Kembara yang dinaiki dua lelaki masing-masing berusia 29 dan 26 tahun.

Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Wan Kamarul Azran Wan Yu-

sof berkata, sewaktu operasi dijalankan, polis meminta kedua-dua suspek menunjukkan kad pengenalan sebelum anggota polis memeriksa kereta tersebut.

Jelasnya, hasil pemeriksaan di bahagian tempat duduk belakang kereta itu, polis menemui enam bungkusan plastik lut sinar dan setiap bungkusan mengandungi 12 botol air berisipadu 1.5 liter dipercayai air ketum.

“Anggota polis merampas kesemua bungkusan yang mengandungi sebanyak 72 botol air ketum yang dianggarkan

bernilai RM1,080,” katanya semalam.

Menurut Wan Kamarul Azran, hasil siasatan mendapati air ketum yang dijual pada harga RM15 sebotol itu dipercayai dijual di sekitar kawasan Ulu Slim dan Slim Village dekat sini.

Jelasnya, ujian saringan air kencing mendapati salah seorang suspek iaitu pengawal keselamatan positif dadah jenis methamphetamine manakala rakannya yang bekerja sebagai buruh bebas daripada sebarang penyalahgunaan dadah.

Kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952.